

KOSMO, RABU 6 APRIL 2005

LOG MASUK PC GUNA CAP JARI

SHAH ALAM – Para pengguna kini boleh masuk ke komputer peribadi dan alat teknologi maklumat (IT) lain hanya dengan menggunakan cap jari dan bukan lagi cara konvensional menerusi kata laluan seperti sebelum ini.

“Semua ini dapat direalisasikan menerusi produk baru yang dicipta dan diperkenalkan oleh Neural Manufacturing Sdn bhd.(Neural).

Ketua Pegawai Eksekutif Neural, Aziz Ayob berkata, produk yang dinamakan Neural Entry Pad itu direka untuk disesuaikan dengan penggunaan notebook, komputer peribadi, PDA (Penolong Digital Peribadi), telefon selular dan aplikasi Internet.

Beliau berkata, produk tersebut yang berharga Rm 550.00 seunit boleh membantu meningkatkan keselamatan komputer kerana ia hanya memberi tindak balas kepada cap jari pemilik untuk masuk dalam komputer.

Neural Entry Pad menggunakan pengesan muatan, produk SMT dan sistem berasaskan perisian windows.

“Ini bermakna ia mengesan menerusi cap jari, tidak seperti yang lain yang menggunakan pengesan cahaya sebagai pengimbas,”katanya selepas pelancaran Neural Entry Pad oleh Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM Berhad., Datuk Dr. Mohd. Arifin Aton di sini semalam.

Aziz berkata, dengan kelebihan produk itu, syarikat tersebut berharap ia boleh menembusi pasaran global terutamanya di negara-negara Asia Tenggara.

“Beberapa pengedar juga telah dilantik untuk menguruskan pasaran di United Kingdom, Indonesia dan Thailand serta di dalam negeri,”katanya.

Neural memulakan pengeluaran besar-besarnya pada awal Mac tahun ini dan sejak itu ia telah mengeluarkan 500 set sebulan.

Beliau berkata, syarikat itu berharap dapat menjual 5,000 unit tahun ini dan 10,000 unit pada tahun-tahun berikutnya.

Pelanggan sasarannya termasuklah daripada sector awam dan swasta serta pengeluar komputer, katanya.

Penyedia sistem keselamatan, Neural juga menawarkan produk penyelesaian keselamatan seperti e-JARI dan Pengesanan Kawalan Padat (CRS).

